

04 APR 1996

Najib-sumbangan

PELAJAR, GURU SUMBANG LEBIH RM3 JUTA UNTUK SEKOLAH DI BOSNIA

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Sebuah sekolah yang musnah akibat peperangan di Bosnia Herzegovina akan dibangunkan semula dengan bantuan kewangan berjumlah lebih RM3.2 juta hasil sumbangan pelajar dan guru sekolah di seluruh negara, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata sekolah yang dijangka dikenalpasti sedikit masa lagi dengan kerjasama kerajaan Bosnia itu akan menjadi lambang persaudaraan antara pelajar dan guru di Malaysia dan negara Balkan itu.

"Sekolah di Sarajevo itu akan menjadi satu mercu tanda buat selama-lamanya sebagai bukti perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tegas dan berani dalam menangani soal Bosnia dengan sokongan seluruh rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan kutipan Tabung Bantuan Pendidikan Bosnia kepada Dr Mahathir di sini.

Dr Mahathir dijangka menyerahkan sumbangan itu kepada kerajaan Bosnia semasa lawatannya ke Croatia, Bosnia dan Macedonia pertengahan bulan ini. Tabung itu dilancarkan 24 Jan lepas.

Najib berkata bantuan itu akan dibuat secara berterusan supaya sekolah itu benar-benar dapat dipulihkan seperti sediakala.

"Kita berharap sekolah itu dapat memberikan pendidikan sebaik mungkin kepada anak-anak Bosnia," katanya.

Ketika ditanya sama ada pelajar Bosnia boleh meneruskan pendidikan mereka di sini walaupun keadaan di negara itu semakin pulih, beliau berkata: "Tujuan kita ialah supaya mereka mendapat pendidikan di sini buat sementara waktu...mereka perlu kembali ke Bosnia untuk memainkan peranan membangunkan semula negara itu."

Pelajar dan guru sekolah di Kedah menjadi penyumbang terbesar kepada tabung itu dengan sumbangan berjumlah RM464,652. Ini diikuti Pulau Pinang (RM320,617), Pahang (RM305,141) dan Kelantan (RM300,000).

Ketika berucap pada majlis itu, Najib berkata walaupun usaha mengisi tabung itu hanya mengharapkan sumbangan ikhlas, tetapi semua sekolah menunjukkan kesungguhan untuk menjadikannya satu kenyataan.

Beliau gembira kerana sumbangan itu diterima daripada pelajar dan guru pelbagai kaum dan agama.

"Ini bererti isu Bosnia bukan sahaja menusuk jiwa masyarakat Islam tetapi mereka yang bukan beragama Islam juga turut bersimpati," katanya. --

BERNAMA

MAM AKD